

R GB 23-03 00174 BB951

AAB

Samy - Mahathir

JOHOR BAHRU, 23 Mac (Bernama) -- Presiden MIC, Datuk Seri S.Samy Vellu, hari ini mengingatkan rakyat Malaysia supaya berwaspada terhadap +subversif+ bentuk ketiga yang bertujuan memfitnah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

+Saya panggilnya subversif sosial -- cakap-cakap yang tidak baik mengenai Perdana Menteri dan pembohongan mengenai kesihatannya,+ katanya kepada pemberita selepas meletakkan batu asas Kuil Sri Subramaniam di sini.

Katanya, Perdana Menteri berada dalam keadaan baik dan sihat dan beliau +harus lebih mengetahui mengenainya+ kerana beliau menemui Perdana Menteri dua hari sekali.

Datuk Seri Samy Vellu mengulas mengenai khabar-khabar angin kononnya Perdana Menteri uzur dan perlukan satu lagi pembedahan, seperti yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu sejak akhir-akhir ini.

Datuk Seri Samy Vellu berkata negara ini dapat menghapuskan subversif bentuk pertama yang dibawa oleh anasir-anasir komunis dan yang kedua, subversif politik pada 1990 apabila orang ramai diyakin bahawa Barisan Nasional akan tewas dalam pilihan raya umum lepas apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) menarik diri daripadanya. -- Lagi

♥23/03/16-33MST

R GB 23-03 00163 BB952

AAB

Samy - Mahathir 2 Johor Baharu

+Mereka salah. Mereka ingat mereka boleh pecah-belah dan kemudian memerintah tetapi mereka tidak dapat memecahbelahkan kekuatan UMNO,+ kata beliau.

Datuk Seri Samy berkata khabar-khabar angin itu bertujuan menghilangkan keyakinan rakyat terhadap Datuk Seri Dr Mahathir.

+Tetapi itu semua bohong belaka. Perdana Menteri sihat. Beliau menunggang kuda dan kadang kala bermain golf sebagai senaman,+ tambahnya.

Dalam perkembangan lain, Datuk Seri Samy Vellu membidas sikap pemimpin-pemimpin tertentu MIC di Kedah yang permohonan mereka bagi mendapatkan satu kerusi Majlis Kerja Kerajaan Negeri ditolak oleh Menteri Besar Rabu lepas.

+Ia akan menjadi satu pengajaran yang baik kepada mereka kerana perkara itu diputuskan oleh pemimpin tinggi Barisan Nasional dan bukan pemimpin-pemimpin yang tamak yang membuat keputusan mereka sendiri,+ tambah beliau.

Pada Rabu lepas, Pengerusi MIC Negeri, V.Saravanan, berkata Menteri Besar, Datuk Seri Osman Aroff, telah menolak permohonan MIC untuk kerusi berkenaan kerana ia hak UMNO. -- Bernama

♥23/03/16-34MST